

Bab 1 Pengenalan

1.1. Pengenalan.

Sehingga sekarang (setakat yang diketahui oleh pengkaji), belum ada lagi mana-mana sarjana yang telah mengkaji teks *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang dari sudut perkembangan peradaban Melayu. Kebanyakan sarjana melihat *Sejarah Melayu* dari sudut kesusasteraan dan pensejarahan¹. Malah ada sarjana yang menganggap *Sejarah Melayu* sebagai buku yang penuh dengan mitos, fantasi dan ajaib dan tidak layak untuk dijadikan sebagai salah sebuah karya agung Melayu. Namun tidak dapat dinafikan *Sejarah Melayu* mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Sungguhpun isi *Sejarah Melayu* adalah berbentuk cerita, namun jika dilihat dari sudut sejarah, ia juga memaparkan perkembangan peradaban Melayu yang telah diasaskan oleh kerajaan Srivijaya pada abad ke-7-13 Masihi.

Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba melihat *Sejarah Melayu* dari sudut perkembangan peradaban Melayu. Dari segi isi, tema dan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh *Sejarah Melayu* adalah dalam bentuk cerita yang dipenuhi dengan unsur-unsur mitos, fantasi, ajaib dan legenda. Namun begitu Tun Seri Lanang yang menyusun *Sejarah Melayu* itu pada 1612 Masihi turut membincangkan aspek-aspek

ekonomi, politik, sosial dan sebagainya yang terjadi pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Oleh kerana jangka masa antara zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan tarikh *Sejarah Melayu* yang disusun semula oleh Tun Seri Lanang itu tidak jauh jaraknya, maka *Sejarah Melayu* dapat dijadikan sebagai sumber utama dokumen yang melaporkan permulaan, perkembangan dan kejatuhan tamadun Melayu pada abad ke-15. Justeru itu untuk mengkaji *Sejarah Melayu* ini pengkaji perlulah menggunakan ilmu-ilmu bantu yang lain seperti sosiologi, sejarah , antropologi dan sebagainya.

Walaupun tempoh 100 tahun Kerajaan Melayu Melaka berjaya ditegakkan di Melaka boleh dianggap pendek, namun menurut Mohd Taib Osman apa yang dipaparkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* adalah lebih dari sejarah. Ia merupakan satu lukisan kebudayaan Melayu (Mohd.Taib Osman, 1974:1). *Sejarah Melayu* adalah hasil pensejarahan Melayu yang ulung. Pensejarahan merupakan hasil tafsiran ahli sejarah mengenai masa lampau. Walaupun penulisan sejarah atau historiografi itu berbentuk sastera namun di dalamnya tetap mengandungi fakta sejarah. Fakta-fakta sejarah yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* ini merupakan satu-satunya sumber sejarah peradaban atau kebudayaan Melayu ².

Latar masa dalam teks ini adalah luas, daripada zaman Raja Iskandar Zulkarnain yang zuriatnya dikatakan menjadi raja di Melaka hingga sampai mangkatnya Sultan Ahmad di Bentan (Mohd.Taib Osman,1976:10). Oleh kerana telah menjadi tradisi masyarakat Melayu menyimpan sesuatu peristiwa bersejarah dalam bentuk cerita seperti cerita-cerita mitos dan legenda, maka tradisi inilah yang diteruskan oleh Tun Seri Lanang. Peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku sebelum pembukaan Melaka seperti asal-usul keturunan raja-raja Melaka telah diceritakan secara mitos dan legenda. Faktor masa tidak penting, yang penting adalah isinya. Namun begitu, peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka masih ada kebenarannya kerana tidak jauh daripada masa pengarang. Oleh itu, sesuai sebagai sebuah negara kota yang terpenting pada abad ke-15, *Sejarah Melayu* telah dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kota Melaka yang boleh dikatakan telah mencapai taraf kota *madani* ataupun *saadah*³.

1.2. Tinjauan Terhadap Kajian-kajian Terdahulu.

Sejarah Melayu adalah merupakan sebuah karya agung Melayu yang telah disusun dan ditulis semula oleh seorang pengarang Melayu (*local genius*) iaitu Tun Seri Lanang⁴. *Sejarah Melayu* menyatakan:

"Tatkala *hijratu'L-nabiyyi salla 'llahu 'alayhi wa sallama*, seribu dua puluh satu tahun, kepada tahun *Dal*, pada dua belas haribulan *Rabbiul-Awwal*, kepada hari *Khamis*, waktu '*adduha*, pada ketika *Syamsu*," (Shellabear, 1983:2)

Tarikh yang dinyatakan itu bersamaan 13 Mei 1612. Sarjana-sarjana yang mengkaji teks *Sejarah Melayu* mempersoalkan tarikh sebenarnya teks ini ditulis. Malah ada yang lebih jauh lagi yang menganggap *Sejarah Melayu* adalah sama tarafnya dengan hikayat-hikayat Melayu yang memuatkan cerita yang penuh dengan fantasi, ajaib, kesaktian dan diselitkan pula puisi yang dapat dijadikan sebagai sumber hiburan⁵.

Menurut Sanusi Samid, sarjana-sarjana Barat mengecam *Sejarah Melayu* yang dianggap tidak layak dijadikan sebagai sumber sejarah⁶. Sebagai contoh Winstedt dan Wilkinson yang menganggapnya sebagai sebuah buku mitos dan roman yang mengandungi banyak cerita dongeng dan dewa-dewa⁷. Sarjana-sarjana lain turut memberi anggapan yang sama seperti Hoesein Djajaningrat, dan Branders Rasser yang menganggap *Sejarah Melayu* sebagai buku dongeng dan bukan sebagai buku sejarah kerana tiada tarikh. Sarjana-sarjana tersebut turut menganggap *Sejarah Melayu* dipenuhi dengan cerita-cerita yang berunsurkan fantasi, ajaib, menghibur dan mengkhayalkan. Ini kerana pada pendapat mereka sesebuah buku sejarah mestilah memenuhi ciri-ciri sejarah yang mengupas sesuatu peristiwa secara saintifik.

Namun terdapat juga tokoh-tokoh yang menerima *Sejarah Melayu* bukan sahaja sebagai sebuah hasil kreatif tetapi juga sebagai hasil sejarah. Antara tokoh tersebut adalah Zainal Abidin Wahid yang mengangkat teks itu sebagai bahan terpenting untuk mengenali masyarakat Melayu. Baginya;

"Tidak ada buku atau manuskrip lain yang boleh menggambarkan masyarakat Melaka dengan cara yang lebih baik dan jelas selain dari *Sejarah Melayu*."⁸

Manakala Mohd. Taib Osman menganggap apa yang dipaparkan oleh Tun Seri Lanang itu adalah merupakan satu lukisan kebudayaan Melayu. (Mohd.Taib Osman, 1974:1) Sehubungan dengan itu *Sejarah Melayu* boleh dianggap sebagai dokumen kebudayaan sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa tokoh terkemuka seperti A.Teeuw dan J.M.Gullick.⁹ Manakala Hsu Yun Tsiao berpendapat bahawa cerita dewa-dewa yang bercorak legenda dalam *Sejarah Melayu* sebenarnya berdasarkan kepada cerita yang sebenar. Pendapat beliau ini memang dapat dibuktikan dari segi sejarah terutama mengenai raja-raja dan pembesar-pembesar Melaka sehingga kejatuhannya. Sebab itulah Zainal Abidin Wahid menganggap *Sejarah Melayu* benar-benar merupakan satu gambaran terpenting bagi pengkajian sejarah Alam Melayu (Dalam Zaharah Ibrahim.1986:xi)

Dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional, kitab *Sejarah Melayu* menduduki satu tempat yang agak istimewa, sebab itu banyak penulisan mengenainya¹⁰. Selain daripada beberapa buah buku ulasan *Sejarah Melayu* yang diterbitkan untuk pelajar-pelajar yang mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), banyak terdapat eseи yang ditulis mengenainya. Eseи-eseи yang bernilai tinggi itu ditulis dalam jurnal-jurnal, majalah-majalah, suratkhabar-suratkhabar dan kertas-kertas kerja¹¹.

1.3. Tujuan Kajian.

Kajian ini dirasakan penting kerana belum ada kajian yang mendalam mengenai *Sejarah Melayu* yang ditinjau dari aspek ketamadunan. Beberapa hasil tulisan sarjana lebih merupakan kajian dan ulasan dari aspek kesusasteraan terutama untuk pelajar-pelajar yang mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Namun begitu ada juga tulisan para sarjana yang lebih merupakan kertas kerja atau makalah yang lebih mendekati aspek kebudayaan Melayu. Oleh kerana aspek budaya adalah sebahagian daripada aspek tamadun yang lebih luas, maka sudah sampailah masanya *Sejarah Melayu* dilihat sebagai sumber tamadun Melayu. Hasil tulisan sarjana-sarjana yang tersebut di atas, masih berguna sebagai sumber bantu (pendua) untuk penulisan disertasi ini. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat dijadikan bahan tambahan apabila membicarakan *Sejarah Melayu*.

1.4. Sumber dan Metode Kajian.

Pengkaji akan melakukan kajian ini dengan menggunakan metode penyelidikan di perpustakaan. Untuk tujuan kajian ini, buku *Sejarah Melayu* yang disusun oleh Shellabear terbitan Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd dan *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* yang disusun oleh A. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan teks pilihan. *Sejarah Melayu* dipilih kerana ia mencatatkan dan menggambarkan dengan mendalam tentang turun-naik tamadun Melayu pada abad ke-15. Ia juga merupakan satu-satunya dokumen yang dihasilkan oleh penulis tempatan yang dapat memberikan gambaran jelas mengenai aspek-aspek tamadun Melayu pada abad ke-15 Masihi. Tambahan pula adalah dipercayai *Sejarah Melayu* yang disusun semula oleh Tun Seri Lanang itu dihasilkan pada abad ke-15, sezaman dengan kerajaan Melayu Melaka. Memandangkan teks tersebut begitu banyak menggambarkan keadaan tamadun Melayu yang mencapai zaman kegemilangannya pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, maka pengarang menjadikannya teras kajian ini untuk mengenali tamadun tersebut dengan lebih dekat lagi. Sehubungan itu pengarang akan cuba membuktikan bahawa *Sejarah Melayu* adalah sebuah dokumen yang menggambarkan turun naik tamadun Melayu pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Beberapa konsep yang berhubung dengan tamadun yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tertentu akan dijadikan sebagai

dasar kajian. Huraian ringkas mengenai konsep-konsep tamadun akan dibincangkan pada bab-bab yang berkaitan.

Penggunaan edisi-edisi Shellabear dan A.Samad Ahmad adalah kerana terdapat sedikit perbezaan pada peristiwa-peristiwa tertentu. Sebagai contoh, peristiwa pertikaman antara Hang Jebat dan Hang Tuah dalam edisi A.Samad Ahmad, manakala edisi Shellabear menyebut peristiwa itu berlaku antara Hang Kasturi dan Hang Tuah. Di samping itu kedua-dua teks adalah mudah diperolehi kerana edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad pernah dijadikan sebagai teks wajib bagi pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusastraan Melayu pada peringkat STPM.

1.5. Skop dan Batasan Kajian

Tamadun mencakupi pelbagai bidang kehidupan manusia. Oleh itu tidak mungkin pengarang akan dapat membincangkan kesemua aspek tamadun Melayu yang dihasilkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penulis akan membincangkan secara ringkas hal-hal yang berkaitan dengan proses dan kesan interaksi antara peradaban yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 sebagaimana yang digambarkan oleh *Sejarah Melayu*. Di samping menggunakan teks *Sejarah Melayu* sebagai sumber utama, pengarang juga akan membuat beberapa rujukan daripada beberapa orang sarjana

tempatan dan luar negeri yang pernah membuat kajian dan penyelidikan sama ada dari segi sejarah, budaya mahupun ekonomi dan politik. Antara aspek-aspek yang akan disentuh adalah:

i. Politik.

- a. Melihat bagaimana hasil interaksi antara tamadun-tamadun besar di dunia pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
- b. Melihat perkembangan negeri Melaka sebagai satu kitaran yang boleh dibandingkan sebagai organisme hidup yang melalui tahap kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua.

ii. Sosial.

- a. Agama dan budaya dilihat sebagai teras pembentukan masyarakat *madani*.
- b. Pembentukan sistem sosial hasil interaksi dengan tamadun-tamadun lain, misalnya mengikut sistem kasta yang terbahagi kepada 4 lapisan.
- c. Peranan orang-orang asing dalam membina tamadun Melayu Melaka.
- d. Aspek kepercayaan, ciri-ciri animisme, Hindu dan Islam.
- e. Aspek-aspek lain yang akan disentuh seperti bahasa, adat istiadat dan lain-lain yang berperanan penting dalam memperkuatkan tamadun Melayu. Manakala kedatangan Islam ke alam Melayu ini memantapkan lagi tamadun Melayu.

iii. Ekonomi

- a. Peranan Melaka sebagai sebuah pelabuhan entreport yang penting,
- b. Kedatangan orang-orang asing dan sumbangan-sumbangan mereka.

iv. Persekutaran (habitat) yang mempengaruhi insan dalam proses pembentukan sebuah masyarakat madani.

- a. Akan disentuh secara ringkas hasil interaksi antara peradaban ke atas pembentukan sebuah masyarakat madani. Konsep ini telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun dan al-Farabi.
- b. Peranan Melaka sebagai sebuah kota pelabuhan yang lengkap telah didatangi oleh pelbagai bangsa di dunia ini. Selain tujuan perdagangan kedatangan mereka juga dengan berbagai-bagai tujuan. Hasil interaksi antara pelbagai budaya dan tamadun inilah yang membentuk sebuah tamadun Melayu yang unik.

Nota Hujung Bab 1.

1. Zahrah Ibrahim yang menyelenggara *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian* (1986:xiv) menjelaskan bahawa keseluruhan eseи-eseи yang menulis mengenai *Sejarah Melayu*, perkara yang sering diperkatakan adalah nilai pensejarahan dan penulisannya dalam bentuk sastera. Sebaliknya Sanusi Samid menganggap *Sejarah Melayu* adalah satu sumber sejarah yang berguna untuk menulis sejarah Malaysia antara tahun 1400 - 1511, terutama mengenai sejarah Melaka dan keadaan masyarakatnya sebelum penaklukan Feringgi. Manakala Yusoff Iskandar dalam kumpulan eseи yang sama telah memperlihatkan salasilah keturunan dan pemerintahan raja-raja Melaka yang menjadi sumber sejarah terpenting. Antara tokoh-tokoh lain yang turut membicarakan *Sejarah Melayu* dari sudut sejarah ialah Muhammad Yusoff Hashim, 1988. *Pensejarahan Melayu Nusantara*, dan Ali Ahmad, 1987. Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah. Antara tokoh-tokoh yang membincangkan Sejarah Melayu dari sudut sastera ialah Abd. Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad, 1993. *Sejarah Melayu STPM Analisis Isi dan Fungsi*., Abu Hassan Sham, 1994. *Perbandingan Sejarah Melayu Dengan Hikayat Hang Tuah*, Ahmad Mahmood Musanif, 1992. *Pemahaman dan Penghayatan Sejarah Melayu*. dan ramai lagi.
2. Timbul masalah mengenai persoalan kebudayaan dan tamadun. Kebudayaan pada lazimnya meliputi seluruh hasil usaha manusia, baik dalam bentuk material, buah fikiran atau corak hidup manusia. Lihat R.Soekmono,1973:80. Tamadun boleh dikatakan sebagai satu bentuk budaya yang lebih tinggi dan hebat, maka tamadun mencerminkan tahap pencapaian kemajuan yang dicapai dalam tulisan, bidang seni dan sains, institusi politik, sosial dan ekonomi. Ia juga menunjukkan tahap kemajuan bagi membolehkan masyarakatnya mengatasi sebahagian besar daripada masalah yang berkaitan dengan keamanan, keselamatan dan kecekapan (dalam bidang pengeluaran). Semuanya berlaku dalam sebuah masyarakat yang kompleks (Wan Abdul Rahman Latif, et al. 1996:3). Definisi tamadun dan perbandingannya dengan kebudayaan akan dibincang secara ringkas dalam Bab 2.
3. Ibn Khaldun (1332 - 1406) seorang ahli falsafah Islam yang terkenal hidup hampir-hampir sezaman dengan pembukaan kota Melaka. Beliau telah membincangkan istilah **madani** dalam bukunya *Muqadimmah*. Ibn Khaldun menggunakan istilah **madaniyah** (peradaban dan kemakmuran hidup) di samping istilah **madani** dengan erti perilaku sosial khususnya ketika merujuk sifat semula jadi manusia sebagai makhluk sosial. Manakala al-Farabi telah membincangkan konsep **saadah** (kebahagiaan).

4. Beberapa orang sarjana Barat berpendapat *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya sastera (bukan sejarah). Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah R.O. Winstedt (1977:158-162) yang berpendapat *Sejarah Melayu* mengandungi banyak cerita mitos dan legenda yang menyimpang dari ciri-ciri sejarah. Tokoh-tokoh lain seperti Roolvink yang menganggap *Sejarah Melayu* sebagai buku dongeng. Namun begitu J.C. Bottom yang menjelaskan konsep sejarah di kalangan orang-orang Melayu meliputi legenda, khayalan dan kisah-kisah di istana dan pelabuhan. Sebab itu beliau menganggap *Sejarah Melayu* sebagai karya sejarah yang penting.
5. T. Iskandar berpendapat bahawa Tun Seri Lanang adalah pengarang kitab *Sejarah Melayu* yang juga dikenali sebagai *Sulalatus Salatin*. Pendapat beliau dipersejuki oleh ramai sarjana tempatan dan orientalis seperti Hsu Yun Tsioa, Liaw Yock Fang, A. Teeuw, Mohd. Taib Osman dan sebagainya. *Sejarah Melayu* bukan sahaja menjadi dokumen sejarah Kesultanan Melayu Melaka, malah turut memperihalkan kedatangan pengaruh-pengaruh asing seperti Hindu dan Islam. Menurut Mohd. Taib Osman, Quaritch Wales telah mengemukakan istilah "*local genius*" untuk menggambarkan bagaimana pengaruh daripada peradaban India dicorakkan oleh kebudayaan tempatan (Mohd. Taib Osman, 1974:12-13).
6. Sanusi bin Samid dalam artikel "Sejarah Melayu sebagai Satu Sumber Sejarah" dalam Zaharah Ibrahim, *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*, 1986 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberi penerangan mengenai kepentingan *Sejarah Melayu* sebagai satu sumber sejarah Malaysia. Beliau juga menjelaskan terdapat kecaman-kecaman oleh penulis-penulis Barat namun untuk memahami *Sejarah Melayu* mestilah dilihat dari kaca mata penduduk tempatan.
7. Antara contoh mitos dan legenda yang terdapat dalam buku *Sejarah Melayu* adalah cerita-cerita mengenai asal-usul raja-raja Melayu Melaka, penjelmaan di Bukit Seguntang, serangan ikan todak dan sebagainya. Manakala seorang tokoh Islam yang terkenal iaitu Ibn Khaldun yang hidup pada penghujung abad ke-14 (1332-1406) telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh ahli-ahli sejarah. Mereka (ahli-ahli sejarah) telah memasukkan unsur-unsur mitos, fantasi, ajaib dan legenda dengan tujuan-tujuan tertentu. Lihat Ibn Khaldun, 1995, *Mukadimah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bab 1.
8. Sila lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, 1974, "Sejarah Melayu", dlm *Dewan Bahasa*, 18. 5 Mei 1974, hlm.211.
9. A.Teeuw menegaskan bahawa *Sejarah Melayu* adalah kaya dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang menggambarkan tentang

perhubungan dalam masyarakat, perkembangan fikiran dan keadaan ekonomi. Walaupun *Sejarah Melayu* tidak dapat membantu mereka yang ingin menyusun sejarah berdasarkan kejadian-kejadian dan pertarikhkan tetapi ia adalah sumber yang kaya untuk menggali pengetahuan kebudayaan masyarakat Melayu (Haron Daud,1989:5).

10. Dari segi isi, *Sejarah Melayu* adalah bersifat sastera. Antaranya terdapat unsur-unsur mitos, legenda, unsur-unsur epik, fantasi, ajaib dan sebagainya. Wilkinson, Winstedt dan John Crawford mengatakan pegarang *Sejarah Melayu* telah mengahwinkan keadaan semasa dengan dongeng-dongeng dan legenda-legenda yang terdapat dalam cerita dewa-dewi (Abd.Rahman Kaeh & Zahir Ahmad.1993:22). Namun begitu ia tetap merupakan sumber terpenting bagi mengkaji tamadun Melayu kerana *Sejarah Melayu* dianggap sebagai sebuah dokumentasi lengkap mengenai orang Melayu. Begitu pentingnya *Sejarah Melayu* sehingga buku ini dikategorikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia sebagai Karya Agung yang wajib dikaji dalam sukanan Kesusteraan Melayu STPM.

11. Antara tokoh-tokoh yang menghasilkan buku-buku ulasan tentang buku *Sejarah Melayu* (Shellabear dan A.Samad Ahmad) untuk STPM adalah A.Rahman Kaeh, Zahir Ahmad, Illias Zaidi, Zainon Ahmad dan banyak lagi. Walau bagaimanapun kajian mereka adalah berhubung dengan aspek kesusteraan yang dikaji dari aspek-aspek perwatakan, bahasa, plot, tema dan lain-lain lagi.